

MAC
2022

Aspirasi
Kegemilangan

PKNP

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG

PENGGERAK

EDISI KOMPUTER | www.pknpp.gov.my

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF PKNP DIANUGERAHKAN PRODUCTIVITY CHAMPION

Kuantan, 30 Mac - Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Yang Hormat Dato' Mohd Faizal bin Jaafar dianugerahkan Productivity Champion baru - baru ini bersem-



Yang Hormat Dato' Mohd Faizal menerima sijil penghargaan Yang Hormat Dato' Dr. Mohd Zakaria bin Ibrahim

pena Majlis Jalinan Kerjasama Kerajaan Negeri Pahang dan Perbadanan Produktiviti Malaysia.

Penghargaan ini diberikan di atas kepimpinan contoh yang ditunjukkan Yang Hormat Dato' Mohd Faizal dalam mempromosikan peningkatan produktiviti dalam organisasi dan juga usaha menarik pelabur ke Negeri Pahang.

Sijil penghargaan telah diserahkan oleh Timbalan Setiausaha Kerajaan Pahang (Pengurusan), Yang Hormat Dato' Dr. Mohd Zakaria bin Ibrahim selaku wakil rasmi kepada YAB. Menteri Besar Pahang.

Majlis jalinan ini dianjurkan oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia dengan tujuan untuk memperluaskan maklumat dan informasi, meningkatkan kerjasama serta menggalakkan penglibatan aktif pihak kerajaan negeri melalui Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, jabatan dan agensi Negeri Pahang di bawah inisiatif Pahang Produktif.

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF MELAWAT BENGKEL RAKYAT BESERAH

Kuantan, 16 Mac - Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Yang Hormat Dato' Mohd Faizal bin Jaafar mengadakan lawatan tapak ke Bengkel Rakyat Beserah dan bertemu kontraktor bagi penerimaan kunci 4 unit Bengkel Rakyat Beserah.

Turut hadir adalah Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan), Encik Mohd Razif bin Abdul Malek, Pengurus Pemasaran dan Pengurusan Harta, Puan Suliyati binti Abdul Rahman, Pengurus Pembangunan Hartanah, Kapt. Azis bin Muhamad dan pegawai-pegawai yang terlibat.



Bengkel Rakyat Beserah mula dibina pada tahun 2019 dan siap pembinaan pada tahun 2021

PROGRAM BIMBINGAN PERNIAGAAN BIZCLINIC



Para peserta Program Bimbingan Perniagaan 'Bizclinic' anjuran Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) mengabadikan kenangan bersama Pengurusan PKNP dan penceramah

Kuantan, 30 Mac - Seramai hampir 20 orang peserta menghadiri Program Bimbingan Perniagaan 'Bizclinic' anjuran Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) dengan kerjasama Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) yang diadakan pada 30 Mac 2022 bertempat di Bengkel Melati, Tingkat 1, BCIC Lodge, Kompleks Dagangan Mahkota, Indera Mahkota, Kuantan.

Program ini telah dirasmikan oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan), Encik Mohd Razif bin Abdul Malek yang mewakili Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Yang Hormat Dato' Mohd Faizal bin Jaafar.

Program ini diadakan bertujuan memberi pendedahan kepada para usahawan serta mengadakan perbincangan secara bersemuka bersama para kaunselor daripada INSKEN bagi mengenalpasti masalah yang dihadapi serta masa depan perniagaan mereka.

Sesi perbincangan dan kaunseling ini mengambil masa 30 hingga 60 minit bagi setiap peserta. Penyer-taan program ini juga turut dihadiri oleh peserta bukan sahaja sekitar daerah Kuantan, malah turut dihadiri oleh peserta dari daerah seperti Raub.

Dua bisKaunselor daripada INSKEN iaitu Encik Muham-mad bin Yusof dan Puan Zuhrah binti Haji Nadakkavil Alassan merupakan kaunselor yang ditugaskan untuk mengadakan sesi kaunseling perniagaan secara semuka yang diadakan selama sehari terse-but.

Turut hadir adalah Pengurus Pembangunan Komuniti dan Keusahawanan, Encik Nasry bin Kassim dan Penolong Pengurus Pembangunan Komuniti dan Keu-sahawanan, Encik Muhammad Jabrul Akmal bin Mat Yahya.



Para peserta fokus kepada taklimat yang disampaikan oleh bisKaunselor, Puan Zuhrah binti Haji Nadakkavil Alassan



3 APRIL
2022

Salam Ramadan

Doa orang yang berpuasa tidak akan ditolak oleh Allah SWT sehinggalah ia berbuka, oleh itu hendaklah mereka yang berpuasa memperbanyakkan doa demi kebaikan hidup mereka di dunia dan juga di akhirat

(Hadis Riwayat Al-Bukhari dan Muslim)

Ikhlas Daripada
Pengerusi,
Ahli Perbadanan, Pengurusan
dan Warga Kerja Kumpulan PKNP



KURSUS PEMURNIAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH DAN KUALITI



Encik Abdul Razak sebagai fasilitator Kursus Pemurnian Pengurusan Risiko Rasuah dan Kualiti

Kuantan, 31 Mac - Kursus Pemurnian Pengurusan Risiko Rasuah dan Kualiti telah dilaksanakan selama 2 hari bermula 31 Mac 2022 hingga 1 April 2022 di Dewan Seminar EDC, Tingkat 3, Kompleks Teruntum.

Kursus ini bertujuan untuk mengemaskini daftar risiko kualiti dan rasuah mengikut keperluan standard MS ISO 9001 : 2015 serta MS ISO 37001 : 2016.

Kursus ini dihadiri oleh seramai 40 anggota pekerja PKNP yang terdiri daripada Pengurus Bahagian/Unit serta pegawai.

Program selama dua hari ini telah dilaksanakan dengan jayanya di bawah bimbingan Encik Abdul Razak bin Abu Bakar daripada QTC Management Consultancy Sdn. Bhd.

MAJLIS SOLAT HAJAT & BACAAN YASIN PKNP 2022



Pengurus Tertinggi dan anggota pekerja PKNP bersama-sama mengagungkan bacaan yasin setelah menunaikan solat hajat

Kuantan, 25 Mac - Majlis Solat Hajat dan Bacaan Yasin PKNP telah diadakan pada 25 Mac 2022 di Dewan Utama EDC, Tingkat 3, Kompleks Teruntum dan diketuai oleh Pengerusi Masjid Tengku Panglima Perang Tengku Muhammad Sungai Karang, Ustaz Muhammad Awis Qarni Abdul Wahab.

Majlis ini diadakan untuk memohon kesejahteraan hidup, kesihatan yang berpanjangan dan perlindungan Allah S.W.T dari wabak Covid -19. Selain itu, majlis juga diadakan untuk memohon kelancaran bagi melaksanakan ibadah puasa di bulan Ramadan pada tahun ini.

Turut hadir adalah Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Yang Hormat Dato' Mohd Faizal bin Jaafar, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan), Encik Mohd Razif bin Abdul Malek, Pengurus - Pengurus Bahagian dan Unit serta anggota pekerja PKNP.

PROGRAM EKSEKUTIF PELATIH PKNP CUNGKIL BAKAT PESERTA

Kuantan, 22 Mac - 5 orang Eksekutif Pelatih (EP) telah melengkapkan pembentangan kajian individu yang merupakan tugas terakhir pada pagi ini di Dewan Utama EDC, Tingkat 3, Kompleks Teruntum.

Program EP bagi sesi 2021/2022 yg bermula pada 1 April 2021 yang lalu dijadualkan berakhir pada 31 Mac 2022 ini. Program tersebut dirancang bertujuan untuk melatih para graduan bagi meningkatkan tahap kebolehpasaran sekaligus melahirkan graduan yang bersedia dalam bidang pekerjaan.



Bakat pelapis - Pengurus Tertinggi PKNP bersama Eksekutif Pelatih sesi 2021/2022

Pembentangan pada hari ini diadili oleh Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Yang Hormat Dato' Mohd Faizal bin Jaafar, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan), Yang Berbahagia Datin Hajah Noraskin binti Jamaludin dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan), Encik Mohd Razif bin Abdul Malek.

Turut hadir adalah Pengurus - Pengurus Bahagian dan Unit serta Pegawai - Pegawai yang terlibat.

PASUKAN BOLA JARING PKNP RAIH TEMPAT KEDUA



Pasukan Bola Jaring menunjukkan semangat juang yang tinggi sehingga ke pusingan akhir

Kuantan, 13 Mac - Pantang menyerah sebelum berjuang, itu prinsip pasukan bola jaring PKNP yang menggondol tempat kedua dalam Kejohanan Bola

Jaring antara jabatan kerajaan yang diadakan pada hari ini di Gelanggang Terbuka Majlis Sukan Pahang (MSP), Kuantan.

Pertandingan yang dianjurkan oleh MAKSAP Pahang ini telah menarik penyertaan 5 pasukan iaitu dari Majlis Bandaraya Kuantan, Majlis Sukan Pahang, Jabatan Kewangan Negeri Pahang dan Pasukan Pasukan Campuran Bentong + Kuantan (BENTAN).

Pasukan Bentan muncul juara dengan menewaskan keempat - empat pasukan lain. Manakala PKNP menduduki tempat kedua apabila terpaksa tunduk kepada Pasukan Bentan.



GOTONG ROYONG MEMBERSIHKAN SURAU JPAM



Edisi Redaksi

PENAUNG / PENASIHAT
Dato' Mohd Faizal bin Jaafar
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

PENYELARAS PENERBITAN
Tuan Haji Mohd Ibrahim bin Hashim

KETUA EDITOR
Encik Mohd Fahmi bin Abdul Ghani

GRAFIK
Puan Sharifah Nur Yusra binti Tuan Rasli
Encik Nik Mohd Khasyimi bin Nik Kamarulzaman

JURUFOTO
Encik Nik Mohd Khasyimi bin Nik Kamarulzaman
Muhammad Faleq Aidid bin Mohd Shamsul Kahar

Firman Allah S.W.T : "Daripada Abu Sa'id Al Khudri dan Abu Hurairah RA daripada Nabi SAW bersabda: "Tidaklah seorang Muslim yang ditimpa suatu penyakit dan keletihan, kekusaran dan kesedihan, gangguan dan kesusahan, bahkan duri yang melukainya melainkan Allah SWT akan menghapus kesalahan-kesalahannya." (Hadith riwayat al-Bukhari, No : 5641, Muslim, No : 2573, at-Tirmizi, No : 966, Ahmad, No : 7684, 8070, 10714)